

## LAMPIRAN 1

### PETIKAN 1

TAJUK : BUDAYA KERJA : ANTARA KONSEP DENGAN AMALAN.

Perbincangan tentang budaya kerja timbul bersama-sama Dasar Pandang ke Timur anjuran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Kebanyakan ulasan dan kupasan persoalan ini merujuk kepada peningkatan produktiviti, sama ada di peringkat individu, institusi, atau negara. Malah penerapan nilai-nilai Islam dan gagasan Bersih, Cekap, dan Amanah juga kebanyakannya mempunyai matlamat yang sama.

Pemahaman tentang konsep yang harus dibudayakan di semua peringkat ini akan menentukan pertumbuhan ekonomi rakyat dan negara. Dalam pengertian yang lebih luas, budaya kerja akan mencorakkan kualiti dan kekuatan tamadun kita. Oleh itu, pemahaman tentang konsep tersebut haruslah menyeluruh dan bersepadu. Yang nyata, konsep kerja yang semakin berakar dalam masyarakat hari ini kelihatan semakin mengutamakan kebendaan dan bersifat antiintelektual.

Konsep kerja kebendaan lebih mengutamakan keluaran berbentuk barang. Oleh itu, tidak hairanlah masyarakat hari ini menganggap tugas ibu atau isteri seperti mencuci, memasak, dan mendidik anak-anak bukan sebagai 'kerja', kerana usaha ini tidak mendatangkan gaji atau upah. Justeru terdapat saranan daripada tokoh-tokoh tertentu agar wanita digalakkan memainkan peranan dalam masyarakat yang merujuk kepada produktiviti barang. Pandangan ini secara tidak langsung menafikan hak wanita sebagai sebagai ibu

dan isteri. Peranan ini menggugat peranan dasar mereka yang menjamin keutuhan keluarga. Beberapa kajian yang dijalankan di Barat menunjukkan unit keluarga sebagai asas masyarakat mula retak disebabkan penglibatan wanita dalam pekerjaan di luar rumah. Keadaan ini berbeza daripada yang berlaku di Jepun, kerana wanita Jepun walaupun bekerja makan gaji, mereka meletakkan keutamaan kepada penjagaan keluarga.

Konsep kerja kebendaan juga tidak mengambil kira faktor keilmuan dan kemanusiaan. Oleh itu, penghormatan masyarakat terhadap profesion yang tidak membawa keuntungan ekonomi semakin menurun. Sebagai contoh, kini profesion perguruan tidak begitu dihormati. Guru yang banyak menumpukan masa kepada pembinaan kemanusiaan dan perkembangan akal kurang mendapat pengiktirafan sosial.

Negara-negara Eropah, Amerika Syarikat, dan Jepun mempertingkatkan kekuatan mereka dengan membudayakan konsep kerja berteraskan ilmu. Tetapi konsep ilmu mereka tidak lengkap. Mereka meletakkan keutamaan yang tinggi kepada penemuan-penemuan maklumat, fakta, dan kemahiran untuk pembangunan, kebendaan, dan bukannya mendalami makna kehidupan. Konsep ini berbeza daripada konsep kerja Islam. Konsep ilmu dalam Islam menyeluruh dan bersepadu. Budaya kerja Islam merupakan satu budaya yang menekankan bahawa segala usaha, bergaji atau tidak mestilah bersandarkan pengetahuan dan ketaatan. Dalam hal ini, proses pencarian ilmu serta kegiatan ilmiah merupakan satu kerja tertinggi yang mendahului segala kerja lain.

Sebagai kesimpulannya, konsep kerja asing yang harus dibudayakan hendaklah berdasarkan ilmu yang bersepadu serta melewati batas-batas kebendaan. Budaya kerja asing hendaklah dipilih dan disesuaikan semula mengikut falsafah dan budaya kita. Jika

tidak, budaya kerja itu akan tempang dan merugikan.

( Dipetik daripada Buku Teks Bahasa Melayu  
Tingkatan 5, m.s 47)

**410 patah kata**

**LAMPIRAN 2****MEMO PEMERHATIAN PERTAMA**

Tarikh : 13. 1. 1998 (Selasa).

Masa : 8.50 pagi - 10.10 pagi.

Kelas : 5 S 2

- Subjek kajian membaca petikan secara senyap seperti yang diarahkan oleh guru.
- Subjek kajian bertanya sesuatu kepada rakan yang duduk di sebelahnya.
- Rakannya memberi respon dengan berkata-kata sesuatu.
- Subjek kajian mencatatkan sesuatu pada kertas setelah mendengar kata-kata rakannya.
- Kemudian subjek kajian meneruskan bacaan.
- Sekali lagi subjek berhenti membaca dan bertanya sesuatu kepada rakan.
- Rakannya menyatakan sesuatu dan kemudian dicatat oleh subjek kajian pada kertas.

Selepas itu beliau meneruskan bacaan.

- Sepanjang masa membaca petikan, subjek kajian mencatatkan sesuatu pada kertas dan dalam buku teks.
- Kelihatan subjek kajian menggariskan ayat-ayat dalam petikan.
- Subjek kajian selesai membaca senyap.
- Guru menyuruh seorang pelajar membaca kuat. Subjek kajian menyemak bacaan sambil menggaris-gariskan sesuatu pada petikan dalam buku teks.
- Guru kemudian menyoal makna perkataan sukar dalam petikan. Guru dan pelajar berbincang. Subjek kajian mendengar dengan teliti.

- Subjek kajian mencatatkan perkara-perkara yang dibincangkan.
- Setelah selesai membincangkan makna perkataan sukar, guru dan pelajar berbincang pula tentang topik yang dibaca.
- Subjek kajian mengambil bahagian dalam perbincangan ini dengan mengemukakan pertanyaan kepada guru tentang sesuatu yang tidak difahaminya dalam petikan.
- Setelah mendapat pandangan daripada guru dan rakan-rakan, subjek kajian mencatatkan hasil perbincangan.
- Setelah selesai perbincangan, guru menyuruh pelajar menjawab soalan-soalan pemahaman secara bertulis.

**LAMPIRAN 3****PETIKAN TEMUBUAL DENGAN SUBJEK KAJIAN.**

Tarikh : 13. 1. 1998 (Selasa).

Masa : 10.15 pagi hingga 10.45 pagi.

Tempat : Perpustakaan

P : Assalamualaikum, apa khabar?

S : Waalaikumusalam, saya khabar baik.

P : Bolehkah saya meminta kerjasama kamu memberi maklumat untuk menyiapkan kertas projek ini?

S : Boleh, apa salahnya.

P : Mula-mula sekali saya ingin tahu adakah kamu suka akan mata pelajaran Bahasa Melayu?

S : Suka juga tapi saya lebih suka Sejarah.

P : Dalam Bahasa Melayu, bahagian mana yang paling kamu suka?

S : Tatabahasa.

P : Kamu tidak suka bacaan dan pemahaman?

S : Suka juga.

P : Apa yang selalu dilakukan oleh guru semasa mengajar bacaan dan pemahaman?

S : Selalunya guru suruh baca sendiri dulu, kemudian guru suruh seorang baca kuat dan

akhir sekali berbincang untuk menjawab soalan-soalan pemahaman?

P : Apa yang kamu faham tentang bacaan dan pemahaman?

S : Baca petikan kemudian jawab soalan-soalan.

P : Selalunya ketika membaca petikan adakah kamu faham?

S : Kadang-kadang faham, kadang-kadang tidak.

P : Mengapa kamu tidak faham?

S : Kalau petikan tu susah dan selalunya ada perkataan-perkataan yang saya tidak tahu maknanya.

P : Kalau kamu menghadapi masalah itu apa yang kamu lakukan?

S : Tanya kawan.

P : Adakah kawan kamu boleh memberi jawapan yang tepat?

S : Kadang-kadang saja, tapi saya nak bandingkan dengan jawapan saya.

P : Apa yang kamu lakukan kalau kawan kamu juga tidak tahu maksud perkataan tersebut?

S : Saya akan catatkan perkataan tersebut, nanti bila berbincang dengan guru, saya boleh tanya.

P : Apa pula kamu lakukan kalau tak faham isi petikan yang dibaca?

S : Saya akan gariskan ayat-ayat yang saya fikir isi penting.

P : Mengapa kamu gunakan cara menggariskan ayat?

S : Supaya senang rujuk bila guru buat perbincangan tentang isi-isi penting dalam petikan.

P : Baiklah, apa lagi cara yang kamu buat untuk faham petikan yang dibaca?

S : Tulis perkara-perkara yang tak faham tu.

P : Mengapa mesti tulis?

S : Bila guru buat perbincangan, saya boleh tanya. Kemudian jawapan guru tu saya banding dengan jawapan yang saya fikir.

P : Selain daripada menggariskan ayat dan menulis bahagian yang kamu tidak faham, apa lagi yang selalu kamu buat?

S : Kalau tak faham juga saya selalunya akan baca bahagian itu berulang-ulang kali hingga saya dapat tangkap maksudnya.

P : Bagaimana cara kamu mencari isi penting dalam petikan?

S : Selalunya baris pertama atau kedua dalam perenggan adalah isi penting.

P : Bagaimana kamu tahu begitu?

S : Guru ajar macam tu.

P : Adakah kamu rujuk kamus?

S : Tak.

P : Mengapa tidak merujuk kamus?

S : Saya tak bawa kamus ke sekolah...berat.

P : Adakah guru pernah suruh rujuk kamus?

S : Ada, bagi sesiapa yang bawa kamus la.

P : Semasa dalam kelas bacaan dan pemahaman, adakah guru terangkan cara untuk memahami petikan yang dibaca?

S : Cikgu suruh baca banyak kali saja sampai faham.

P : Adakah guru membantu kamu untuk faham?

S : Ada. Cikgu selalu bincang dulu keseluruhan petikan dengan pelajar, baru suruh jawab soalan.

P : Baiklah, terima kasih kerana memberi kerjasama pada saya.

S : Sama-sama.

#### LAMPIRAN 4

##### PETIKAN 2

###### TAJUK : INDUSTRI KRAF AKAN TERUS BERGERAK MAJU

'Pada masa sekarang kraf bukan sahaja menjadi kegiatan masa lapang malahan menjadi satu industri dalam erti kata yang sebenar, dan juga menguntungkan'.

Itulah antara kata-kata yang pernah diucapkan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Untuk memastikan industri kraf terus berkembang pesat, kabinet telah meletakkan Perbadanan Kemajuan Kraftangan di bawah Jabatan Perdana Menteri, mulai 3 Jun 1989 yang lalu.

Harapan yang diletakkan oleh kerajaan dan Perdana Menteri sendiri hendaknya disambut baik oleh semua pihak yang terlibat dalam industri kraf.

Atas keyakinan dan perhatian yang diberikan oleh kerajaan, Perbadanan Kemajuan Kraftangan akan menjadikan industri kraf sebagai salah satu sumber ekonomi negara. Sungguhpun begitu, usaha ini tidak seharusnya diletakkan di atas tanggungjawab Perbadanan Kemajuan Kraftangan sahaja, tetapi semua pihak harus berganding bahu bagi mencapai matlamat yang dihasratkan.

Perancangan ini akan menjadi kenyataan jika rakyat melakukan perubahan sikap dan cara berfikir ke arah yang positif untuk memajukan industri kraf. Umpamanya pengusaha-pengusaha kraf seperti batik, songket, anyaman, tekat-menekat, ukiran, dan sebagainya perlulah senantiasa berusaha mempertingkatkan mutu pengurusan dan penghasilan barang mereka mengikut perkembangan dan keperluan semasa. Semoga

dengan usaha seperti ini kraf bukan sahaja dapat menguasai pasaran tempatan, malahan menembusi pasaran antarabangsa. Suasana pasaran sebegini tentunya menguntungkan industri kraf. Penerimaan pasaran tersebut bukan sahaja kerana kecantikannya, bahkan juga kerana penghasilan yang bermutu, di samping mengekalkan unsur budaya tempatan yang membentuk imej keluaran kraf kita. Kita harus berbangga kerana negara kita mempunyai keistimewaan tertentu.

Terdapat tiga pemberian atau anugerah daripada Allah yang amat jelas kepada kita. Pertama, bakat istimewa di kalangan para pengusaha. Bakat merupakan aset, yang jika digerakkan secara profesional, akan menghasilkan barang yang bermutu tinggi di pasaran seluruh dunia. Kedua, kekayaan bekalan bahan mentah untuk menghasilkan kraf tangan yang indah dan tinggi mutunya. Ketiga, kekayaan kebudayaan dan kesenian yang telah menambahkan lagi keunikan dalam pelbagai bentuk kraf yang dicipta. Manusia, sumber alam, dan bakat seni merupakan anugerah daripada Allah yang paling istimewa.

Pada masa sekarang sektor pembuatan telah dikenal pasti untuk menerajui pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, dengan adanya anugerah Tuhan seperti yang dinyatakan sebelum ini, industri kraf mempunyai potensi yang tinggi untuk bergerak maju seiring dengan sektor pembuatan.

Adanya penduduk yang berbilang kaum di negara ini menjadi aset tambahan. Pelbagai kebudayan yang diwarisi oleh setiap bangsa telah memberikan ruang yang unik dalam memperkenalkan kita dan barang yang dihasilkan kepada pelancong luar negeri.

Pelancong dan industri kraftangan mestilah berkait rapat antara satu sama lain. Imej bangsa boleh dibentuk melalui keunikan dan keindahan barang kraf yang dihasilkan.

Keistimewaan budaya setiap bangsa dapat diketengahkan melalui kecantikan dan unsur-unsur estetik yang terdapat pada barang yang dihasilkan.

Berlatarbelakangkan warisan budaya yang unik dan asas pertumbuhannya yang kukuh dalam dekad 80-an, maka pada tahun-tahun 90-an ini diharap industri kraf tangan akan membawa hasil yang membolehkannya menyumbang ke arah pembangunan negara.

(Dipetik daripada Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5, m.s : 76)

440 patah kata

## LAMPIRAN 5

### PETIKAN 3

#### TAJUK : PIL VITAMIN DAN ZAT GALIAN DALAM AMALAN PEMAKANAN

Masyarakat hari ini mempunyai kecenderungan mengamalkan pemakanan dengan cara mudah. Mereka menaruh keyakinan yang tinggi pada pil vitamin dan zat galian untuk mendapatkan zat-zat tertentu. Mengikut kajian, seorang dalam setiap enam orang penduduk di negara-negara barat memperoleh penambahan zat dengan menelan pil-pil vitamin.

Dalam konteks negara kita, tidak sepatutnya kita bergantung kepada pil-pil vitamin. Kita harus menyedari bahawa tidak ada cara yang lebih baik untuk mendapatkan sesuatu zat, selain memakan makanan asli. Makanan asli ternyata lebih enak daripada pil-pil vitamin atau galian.

Amalan memakan pil vitamin atau zat galian sebagai makanan tambahan akan mengakibatkan kesan-kesan sampingan dan membahayakan kesihatan. Ada kenyataan pada label botol pil yang tidak tepat. Iklan atau label tersebut sering mendakwa bahawa kandungan pil-pil vitamin itu memberikan kuasa tertentu. Umpamanya, vitamin B atau tiamina dipercayai dapat memberikan tenaga untuk menghilangkan rasa letih dan lesu. Sebenarnya vitamin ini tidak dapat berperanan seperti yang diakui pada labelnya. Vitamin B memainkan peranan dalam rantaian reaksi yang menolong membentuk tenaga untuk tubuh. Tetapi vitamin itu sendiri tidak dapat membekalkan tenaga dengan segera dan tidak memberikan kesan bagi mengatasi keletihan dan kelesuan. Salah satu gejala kekurangan zat tersebut ialah kurangnya selera makan tetapi hal ini tidak bermakna pengambilan

vitamin tersebut dengan jumlah yang berlebihan dapat merangsang selera makan.

Vitamin yang larut di dalam air, iaitu yang tidak disimpan dalam hati atau otak manusia mungkin tidak menyebabkan keracunan . Tetapi jikalau dimakan berlebihan, kandungan vitamin ini boleh meningkat dalam tisu dan darah. Contoh vitamin yang larut di dalam air termasuklah vitamin B, tiamina, riboflavin, niasin, B6, B12, asid folik dan vitamin C. Sementara itu, vitamin yang larut dalam lemak, iaitu yang disimpan dalam hati, tisu, dan otot seperti vitamin A, D, E dan K, dalam jangka masa panjang boleh menyebabkan hipervitamirosis. Antara kesannya kepada pengamal pil ini termasuklah kehilangan selera makan, keguguran rambut, kabur penglihatan, dan kulit bersisik.

Dalam pasaran sekarang terdapat pelbagai bentuk pil vitamin atau zat galian yang dapat diperoleh tanpa arahan doktor. Pil vitamin yang sering dimakan ialah pil yang membekalkan vitamin B, C dan A. Sebenarnya kita mudah mendapatkan vitamin tersebut tanpa mengambil pil. Dengan memakan nasi, roti, kekacang, susu, ikan, ayam, dan telur sudah pasti kita memenuhi keperluan vitamin B. Untuk vitamin C pula, seseorang dewasa memerlukan kira-kira 30 mg sehari. Daripada menelan pil, lebih baik kita memakan sepotong betik atau sebiji belimbing besi atau sepotong jambu batu yang boleh membekalkan kira-kira 30-80 mg vitamin C. Buah-buahan tersebut bukan sahaja enak dimakan malahan membekalkan serabut yang penting untuk sistem perkumuhan.

(Dipetik daripada Buku Teks Bahasa Melayu,  
Tingkatan 5, ms: 92)

390 patah kata

## LAMPIRAN 6

### PETIKAN 4

#### TAJUK : PENYINARAN MAKANAN

Mengikut perangkaan, satu perempat daripada hasil keluaran makanan di dunia musnah selepas penuaian. Di negara kita, banyak hasil tuaian padi yang musnah semasa penyimpanan di gudang. Padi yang disimpan tidak tahan lama kerana tindakan suhu dan kelembapan udara yang tinggi. Oleh itu, walaupun negara mampu mengeluarkan hasil padi yang banyak tetapi masih tidak berupaya memenuhi keperluan penduduknya.

Keadaan ini menunjukkan bahawa teknologi pengawetan makanan yang diamalkan selama ini kurang berkesan. Kaedah pengawetan seperti pengeringan, pengetinan, pembekuan, dan pemeraman dapat melanjutkan ketahanan makanan semasa disimpan tetapi kemusnahan makanan dalam kuantiti yang besar masih berlaku juga. Oleh itu, satu teknologi pengawetan makanan yang berkesan perlulah dipermai segera.

Perkembangan teknologi nuklear banyak memberikan ilham kepada para saintis bagi mengatasi masalah tersebut. Antaranya termasuklah penggunaan sinaran terhadap hasil-hasil pertanian. Proses penyinaran merupakan satu kaedah pengawetan makanan yang menggunakan sinaran radioaktif. Makanan akan didedahkan kepada sinar gama, sinar-x, ataupun pancaran elektron di dalam bilik khas untuk tempoh masa yang tertentu. Apabila makanan didedahkan kepada sinaran, pertukaran bahan kimia dalam tisu hidup akan teraruh. Pertukaran ini merupakan kesan biologi oleh sinaran.

Pengionan sinaran yang bertindak ke atas jirim menyebabkan berlakunya dua proses asas, iaitu proses primer dan proses sekunder. Proses primer menyebabkan

terbentuknya ion, molekul teruja, atau molekul serpihan. Sementara itu, proses sekunder pula membabitkan tindakan bersaling antara hasil-hasil daripada proses primer yang membentuk sebatian yang berbeza daripada sebatian asal. Biasanya makanan dan organisma pemusnah mengandungi jumlah air yang banyak. Proses penyinaran menyebabkan pengurangan air. Tindakan ini memberikan kesan biologi ke atas organisma hidup dengan melemahkan proses metabolismenya. Proses metabolisme bertanggungjawab untuk memecahkan sel yang memusnahkan makanan. Dengan itu, sinaran dapat membunuh organisma mikro yang menyebabkan makanan cepat menjadi rosak dan busuk.

Proses penyinaran makanan mempunyai kelebihan yang unik berbanding dengan proses pengawetan makanan yang lain. Proses ini boleh dijalankan ke atas makanan yang telah siap dibungkus dan penyinaran boleh dijalankan secara pukal.. Cara ini menjimatkan masa dan tenaga serta bebas daripada sebarang risiko pencemaran semula sebelum makanan sampai kepada pengguna. Lagipun punca sinar gama boleh didapati secara komersil atau terdapat mesin sumber sinaran yang boleh mengeluarkan elektron atau sinar-x.

Berdasarkan kebaikan dan kelebihan teknologi itu, negara kita akan melangkah ke era pemprosesan makanan dengan sinaran apabila siapnya kemudahan penyinaran punca kobalt 60 yang terletak di cawangan Unit Tenaga Nuklear di Dengkil, Selangor Darul Ehsan. Diharap teknologi baru itu dapat dimanfaatkan bersama supaya penyediaan makanan di negara kita dapat ditingkatkan.

(Dipetik daripada Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan Lima (1992 : 153).